

B542:

MAHATHIR-BARISAN R'R'R'

1982

BALING, 22 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) MENGEKALKAN KERJASAMA RAPAT YANG WUJUD SEMASA PILIHANRAYA BARU LALU BAGI MEMPASTIKAN KEJAYAAN PERLAKSANAAN RANCANGAN PEMBANGUNAN.

KATANYA JIKA PARTI-PARTI KOMPONEN DAPAT BEKERJASAMA DENGAN PENUH PERSEFAHAMAN DALAM PILIHANRAYA NASIONAL TERSEBUT, BELIAU TIDAK NAMPAK MENGAPA KERJASAMA ITU TIDAK DAPAT DITERUSKAN MELIPUTI BIDANG-BIDANG PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU MEMBUAT SERUAN ITU KETIKA BERUCAP DALAM SATU PERJUMPAAN UNTUK MERAYAKAN KEMENANGAN BARISAN NASIONAL DALAM PILIHANRAYA UMUM LALU DI PERKARANGAN DEWAN TUN ABDUL RAZAK DI SINI.

PERDANA MENTERI SELAKU Pengerusi Barisan Nasional juga berkata kejayaan BN dalam pilihanraya baru-baru ini adalah yang terbaik sekali sejak negara mencapai kemerdekaan.

INI MERUPAKAN HASIL KERJASAMA ERAT ANTARA PARTI-PARTI KOMPONEN YANG MEWAKILI RAKYAT BERBAGAI-BAGAI Keturunan di negara ini. -- BERSAMBUNG 1414/AI

B543:

MAHATHIR-BARISAN 2 BALING R'R'R'

KATANYA MESKIPUN BN MERUPAKAN SATU GABUNGAN BERBAGAI-BAGAI PARTI, IA TELAH DAPAT MENGATURKAN KEGIATAN SERTA STRATEGI MEMENANGI PILIHANRAYA BARU LALU SEOLAH-OLAH SEPERTI SEBUAH PARTI TUNGGAL.

BAGAIMANAPUN BELIAU MENEGASKAN MASANYA BELUM TIBA LAGI BAGI PENUBUHAN SEBUAH PARTI TUNGGAL UNTUK MEWAKILI SEMUA GOLONGAN RAKYAT DI NEGARA INI KERANA MASIH TERDAPAT PERASAAN SENSITIF DI KALANGAN KAUM-KAUM DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETIAP KAUM DI NEGARA INI MEMPUNYA I PERANAN MASING-MASING DALAM PEMBANGUNAN NEGARA.

KERAJAAN DENGAN MANDAT BARU YANG DIBERIKAN OLEH RAKYAT BERAZAM UNTUK MENUNAIKAN SEGALA JANJINYA YANG DIBUAT DALAM MANIFESTO PILIHANRAYA UMUM YANG LEPAS. -- BERSAMBUNG 1420/AI

MAHATHIR-BARISAN 3 BALING

BELIAU MENYERU SEMUA PIHAK MENGHAPUSKAN PERBEZAAN POLITIK DAN SEBALIKNYA BEKERJASAMA SEPENUHNYA UNTUK KEMAJUAN RAKYAT DAN NEGARA.

KATANYA KERAJAAN HANYA DAPAT MENYEDIAKAN BERBAGAI-BAGAI RANCANGAN DAN KEMUDAHAN SEMENTARA KEJAYAAN SESUATU PROJEK ITU BERGANTUNG KEPADA USAHA DAN PENYERTAAN PENUH RAKYAT.

UNTUK MENINGKATKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN, KERAJAAN HANYA DAPAT MENGADAKAN KEMUDAHAN DAN GALAKAN DAN KEJAYAANNYA BERGANTUNG KEPADA KEMAMPUAN DAN KEBOLEHAN BUMIPUTERA SENDIRI.

BELIAU MENGESYURKAN PARA USAHAWAN BUMIPUTERA MENDAPATKAN LATIHAN MENGENAI SESUATU BIDANG SUPAYA DAPAT MENJALANKAN USAHA MASING-MASING DENGAN BERJAYA DAN BERKESAN.

PERDANA MENTERI MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK DI BALING KERANA TELAH DAPAT MENEMBUS KEMBALI KUBU PARTI PEMBANGKANG YANG SELAMA DUA PENGGAL LALU DIKUASAI OLEH PAS. -- BERSAMBUNG

1437/LK

MAHATHIR-BARISAN 4 BALING

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA MASA DEPAN DAERAH INI ADALAH CERAH DENGAN BERBAGAI-BAGAI RANCANGAN PEMBANGUNAN YANG AKAN DILAKSANAKAN DI SINI.

KATANYA DENGAN PEMBINAAN LEBUHRAYA TIMUR BARAT YANG AKAN DISAMBUNG DARI GRIK KE BUTTERWORTH MELALUI PEKAN BALING PEMBANGUNAN DI DAERAH INI AKAN PESAT.

BELIAU MENYERU PENDUDUK-PENDUDUK BALING TERUTAMANYA PENYOKONG-PENYOKONG BARISAN NASIONAL MEMPUK KERJASAMA RAPAT DENGAN SEMUA PIHAK TERMASUK PENYOKONG-PENYOKONG PARTI PEMBANGKANG BAGI KEMAJUAN DAERAH INI.

KATANYA MEREKA TIDAK BERSALAH MENYOKONG PEMBANGKANG KERANA TELAH DIPESONGKAN OLEH PARA PEMIMPIN PARTI TERSEBUT.

TURUT HADIR DI PERJUMPAAN ITU IALAH ISTERINYA DATIN SERI DR. SITI HASMAH, PEMANGKU MENTERI BESAR DATUK OTHMAN AROFF DAN PARA PEMBESAR NEGERI.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN BERLEPAS KE ALOR SETAR UNTUK MENGHADIRI MAJLIS KESYUKURAN BARISAN NASIONAL DI PADANG SERA, DAN KEMUDIAN KE CODIANG DEKAT ALOR SETAR. -- BERNAMA 1453/LK